

Tanya Cikgu Naim



SOALAN

Bagaimanakah hendak menggunakan walaupun?

Oleh : Nurul Ain Bte Ali (P6/3, Sekolah Rendah Griffiths)



JAWAPAN

Perkataan walaupun ialah sejenis kata hubung yang menyatakan perlawanan atau pertentangan. Perkataan yang setara penggunaannya ialah sungguhpun dan meskipun. *Ayat contoh:*

- Walaupun badannya gemuk, dia boleh berlari dengan pantas.
- Walaupun sudah keletihan, dia terus bertanding sehingga selesai.
- Datuk tetap bersenam dan beriadah, walaupun usianya sudah lanjut.
- Dia tetap menduduki peperiksaan, walaupun badannya uzur.
-

Penggunaan walaupun tidak boleh diikuti dengan tetapi.

- Walaupun hidupnya susah tetapi dia tetap ceria. (**salah**)
- Walaupun hidupnya susah, dia tetap ceria. (**betul**)
- Walaupun sudah senja tetapi mereka terus bermain bola. (**salah**)
- Walaupun sudah senja, mereka terus bermain bola. (**betul**)